



**GARIS PANDUAN
PENYELIDIKAN DI BAWAH INSENTIF CUKAI SEKSYEN 34 (B)
AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

**PUSAT PENGURUSAN
PENYELIDIKAN DAN INOVASI
(RMIC)
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
(UMK)**

1. PENGENALAN

- 1.1 Kementerian Kewangan Malaysia telah mengiktiraf Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) sebagai “Institut Penyelidikan Yang Diluluskan” di bawah seksyen 34(B) Akta Cukai Pendapatan 1967.
- 1.2 Sehubungan itu, syarikat yang menyumbang dana untuk sebarang aktiviti penyelidikan (sains dan teknologi) di RMIC, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) layak dipertimbangkan untuk mendapat insentif potongan cukai dua kali (DTD) tertakluk kepada kelulusan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
- 1.3 Tujuan insentif DTD ini adalah untuk meningkatkan kerjasama melalui geran penyelidikan dengan pihak agensi swasta dalam menjalankan penyelidikan dan inovasi bagi menghasilkan penemuan baharu atau menyelesaikan masalah yang telah dipersetujui di samping menyumbang ke arah peningkatan kualiti dan kuantiti penyelidikan di UMK.

2. PUNCA KUASA

- 2.1 Garis panduan ini menggunakan klausa di bawah seksyen 34(B) Akta Cukai Pendapatan 1967 sebagaimana **Lampiran 1**.

3. NAMA GARIS PANDUAN

- 3.1 Garis Panduan ini menggunakan nama Garis Panduan Penyelidikan dibawah Insentif Cukai Seksyen 34 (B) Akta Cukai Pendapatan 1967.

4. TUJUAN / OBJEKTIF

- 4.1 Membantu meningkatkan aktiviti penyelidikan di UMK di samping membantu menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh syarikat selaku pemberi dana.
- 4.2 Menarik minat syarikat dan industri untuk melabur bagi tujuan penyelidikan dan mendapatkan insentif potongan cukai sebanyak dua (2) kali.
- 4.3 Menambah serta mengukuhkan jaringan kolaborasi di antara Universiti Awam dan Industri.

- 4.4 Insentif kepada penyelidik dan RMIC bagi bersama membantu Universiti dalam menjana ilmu pengetahuan baharu demi manfaat dan kepentingan UMK jua.

5. SYARAT KELAYAKAN

- 5.1 Penyelidikan yang dijalankan oleh mana-mana pegawai yang berkhidmat di UMK hendaklah mempunyai dokumen perjanjian yang dimeterai antara UMK atau RMIC dengan syarikat pemberi dana seperti *Letter Of Award LOA / Letter of Agreement*.
- 5.2 Penyelidik menerima tajaan daripada syarikat pemberi dana yang berdaftar dengan Syarikat Suruhanjaya Malaysia dan bermastautin di Malaysia untuk menjalankan kajian penyelidikan sepertimana yang termaktub dalam seksyen 34(B) Akta Cukai Pendapatan 1967;
- SSM – Syarikat Sdn Bhd
Syarikat antarabangsa – mesti ada anak syarikat di Malaysia
- 5.3 Peruntukan dana penyelidikan yang diperolehi hendaklah disalurkan ke akaun UMK yang ditadbir urus oleh RMIC.
- 5.4 Jumlah penajaan geran penyelidikan oleh syarikat digalakkan adalah sekurang-kurangnya **Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM 5, 000.00) sahaja**.

6. SYARAT PENYELIDIKAN

- 6.1 Bagi maksud DTD ini penyelidikan dan pembangunan hendaklah berfokus kepada:
- i) apa-apa kajian sistematik atau intensif yang bersifat *novelty*;
 - ii) khas untuk bidang Sains dan Teknologi ; atau
 - iii) hasil kajian untuk pengeluaran atau peningkatan bahan, peranti, produk, atau pemprosesan.
- 6.2 Walaubagaimanapun, penyelidikan dan pembangunan tersebut mestilah tidak melibatkan:
- i) kawalan kualiti atau ujian rutin terhadap bahan, peranti, produk atau hasil;
 - ii) penyelidikan dalam sains sosial atau kemanusiaan;
 - iii) koleksi data rutin;
 - iv) tinjauan kecekapan atau kajian pengurusan; dan
 - v) penyelidikan pasaran atau promosi jualan.

6.3 Perbelanjaan yang boleh diberi DTD hendaklah yang bukan berbentuk perbelanjaan modal (pembelian aset seperti pembinaan bangunan, membeli loji atau peralatan) dan dilakukan khusus bagi tujuan penyelidikan.

- **Sumber maklumat adalah daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).**

7. PROSEDUR DAN PROSES PERMOHONAN

7.1 Penyelidikan yang memenuhi kriteria syarat permohonan pada perkara lima (5) dan enam (6) hendaklah mengemukakan dokumen berikut ke RMIC:

- i) Kertas Cadangan Penyelidikan
- ii) Borang Permohonan
- iii) Surat Setuju Tajaan (oleh Industri)

7.2 Permohonan akan dimajukan ke Jawatankuasa DTD yang dilantik bagi mempertimbangkan dan memperakukan kelulusan permohonan para penyelidik.

7.3 Sekiranya terdapat keperluan MOA atau Letter of Agreement perlu dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengurusan Universiti untuk makluman dan kelulusan.

7.4 Klausu 'Notices' atau 'Notis' di MOA hendaklah meletakkan alamat Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) dan nama penyelidik sebagai pegawai untuk dihubungi.

7.5 Semua permohonan hendaklah dihantar ke:

Urusetia Insentif Potongan Cukai Dua Kali

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi

Universiti Malaysia Kelantan

16300 Bachok.

7.6 RMIC akan mengeluarkan surat keputusan kepada para penyelidik dan sesaliran kepada Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) serta Bendahari UMK.

7.7 Permohonan yang telah diluluskan mestilah dimuat naik ke dalam sistem RMS bagi tujuan pendaftaran.

8. PERATURAN KEWANGAN

- 8.1 Prosedur perolehan/pembelian/perbelanjaan adalah tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan terkini dan Peraturan Kewangan Universiti yang sedang digunapakai dan berkuatkuasa.
- 8.2 Pihak Universiti (RMIC) berhak mengenakan caj **sebanyak tiga (3) peratus** daripada dana projek yang disalurkan bagi kos pentadbiran, lantikan pegawai mengurus dan lain-lain yang dirasakan perlu.
- 8.3 Universiti juga akan diberikan pecahan sebanyak dua (2) peratus daripada dana projek. Pecahan agihan adalah seperti jadual di bawah:

JADUAL 1: PECAHAN AGIHAN

PENERIMA	PECAHAN (%)
Kos Projek	95
Universiti	2
RMIC	3
Jumlah	100

- 8.4 Butiran perbelanjaan/ perolehan/pembelian yang dibenarkan hanya meliputi peruntukan bagi vot perbelanjaan berikut:

(a) Vot 11000 – Gaji dan Upah

- i) Upah dan Elaun untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) atau Pembantu Penyelidik adalah dibenarkan.

(b) Vot 21000 – Perjalanan dan Pengangkutan

- i) Perbelanjaan ini merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan **dalam Negara** yang berkaitan dengan projek yang dijalankan sahaja.
- ii) Kadar tuntutan perjalanan dan pengangkutan kumpulan penyelidik yang lain pula tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan yang digunapakai dan sedang berkuatkuasa (Lampiran A2).

(c) Vot 24000- Sewaan

- i) Sewaan yang dibenarkan hanya untuk bangunan, peralatan, pengangkutan yang digunakan secara langsung dengan penyelidikan.
- ii) Permohonan sewaan peralatan untuk kegunaan projek penyelidikan hendaklah dikemukakan ke urusetia dengan menggunakan Borang Permohonan Pembelian/ Penyewaan Peralatan Penyelidikan UMK dan perlu mendapat kelulusan dan pengesahan Pengarah Kanan, RMIC.

(d) Vot 27000 – Bekalan dan Bahan Penyelidikan

- i) Perbelanjaan untuk pembelian bekalan dan bahan-bahan untuk kegunaan projek penyelidikan yang dijalankan sahaja.

(e) Vot 29000 – Baikpulih Kecil dan Ubahsuai

- i) Meliputi perkhidmatan – perkhidmatan lain termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, penggunaan komputer, pemprosesan data/bahan kajian dan lain-lain perkhidmatan yang berkait dengan projek penyelidikan.

(f) Vot 35000 – Pembelian Alatan

- i) Pembelian peralatan di bawah vot ini adalah tidak dibenarkan.

9. TANGGUNGJAWAB PENYELIDIK

- 9.1 Ketua Penyelidik adalah bertanggungjawab untuk menyelesaikan projek dengan kualiti kerja yang tinggi dan dalam tempoh yang ditetapkan.
- 9.2 Laporan kemajuan penyelidikan hendaklah dikemukakan secara berkala mengikut ketetapan RMIC dan pemberi dana.
- 9.3 Ketua Penyelidik tidak boleh melepaskan tanggungjawab sebagai Ketua Projek sehingga projek tamat dan mencapai output yang telah ditetapkan. Sebarang masalah yang dialami oleh Penyelidik mestilah dimaklumkan kepada RMIC dan pemberi dana dengan kadar segera.
- 9.4 Pelanjutan tempoh projek penyelidikan adalah tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran dari pemberi dana.
- 9.5 Penyelidik tidak dibenarkan untuk membuat sebarang perbelanjaan selepas tarikh tamat projek penyelidikan. Segala perbelanjaan yang tidak dituntut sebelum tarikh tamat projek akan luput dan tidak boleh dibayar selepas akaun projek tutup.
- 9.6 Ketua Projek bertanggungjawab untuk sebarang urusan kewangan dan perolehan dengan merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan terkini dan Peraturan Kewangan Universiti yang sedang digunapakai dan berkuatkuasa.
- 9.7 Ketua Penyelidik hendaklah sentiasa menjaga nama baik Universiti

10. TANGGUNGJAWAB RMIC

- 10.1 Melantik Jawatankuasa Khas DTD bagi mempertimbangkan dan memperakukan kelulusan permohonan syarikat untuk potongan cukai sebanyak dua (2) kali.
- 10.2 Mengurus kewangan meliputi agihan perbelanjaan vot dan perbelanjaan mengikut prosedur dan piawaian Perbendaharaan Malaysia tertakluk pada penggunaan vot yang diluluskan
- 10.3 Memantau prestasi projek penyelidikan setiap tiga (3) bulan atau bergantung kepada pemberi dana.
- 10.4 Menyimpan segala dokumen dan resit bagi tujuan pemotongan cukai dua (2) kali ke pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
- 10.5 Melengkapkan butiran berkaitan projek penyelidikan pada Borang Tuntutan Insentif potongan dua kali yang dihantar oleh syarikat.
- 10.6 Peranan Jawatankuasa Khas DTD adalah sepertimana berikut:
- 10.6.1 Membuat penilaian terhadap permohonan dan pembentangan yang berkaitan dengan potongan cukai sebanyak dua (2) kali.
- 10.6.2 Menetapkan tindakan yang sewajarnya kepada penyelidik yang gagal menghantar laporan prestasi serta laporan akhir projek.
- 10.7 Jawatankuasa Jawatankuasa Khas DTD ini adalah terdiri daripada:

Jawatan Kuasa	Keahlian
Pengerusi	Pengarah Kanan, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, UMK
Urusetia	Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, UMK
Ahli	Pengarah, Bahagian Pengurusan Penyelidikan (RMD)
	Wakil Bendahari
	Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi) Fakulti Penyelidik

11. PENAFIAN

- 11.1 Pihak universiti tidak akan bertanggungjawab di atas segala kerugian ketidaklulusan permohonan pengecualian cukai seksyen 34 B oleh pihak industri.

-TAMAT-